

Kepemimpinan Umno berubah, visi tetap sama

Reaksi pemimpin biasanya tak seratus peratus positif, tetapi ia juga tidak seratus peratus negatif

Oleh Dr Alias Mohamed

BEBERAPA perkembangan baru dalam Umno hari ini perlu diberi perhatian dan dinilai secara positif dan rasional untuk mengelak daripada salah penafsiran dan persepsi negatif yang boleh merebak secara berleluasa dalam parti itu dan akhirnya menyulitkan perpaduan dan pentadbirannya.

Perkembangan terbaru membabitkan tindakan yang dilakukan beberapa pemimpin baru Umno menunjukkan bagaimana proses dinamik perubahan dan pembaharuan dalam parti sedang dibentuk dan dicorakkan. Ciri perubahan seperti ini sering berlaku dalam parti itu setiap kali pucuk pimpinannya berubah.

Sebenarnya, sejak 1946 Umno tidak pernah surut dan sunyi daripada mengalami proses 'trial and error' dan pelbagai kemelut yang kemudian menjadi terma rujukan dalam usaha mencorakkan perubahan dan pembaharuan dalam parti itu.

Inilah satu hakikat penting perlu difahami. Bahkan dinamik perubahan ini berlaku setiap kali Umno diterajui pimpinannya baru. Kebiasaannya masa sentiasa menguji kebenaran tindakan.

Oleh sebab itu, sejak dulu lagi adalah biasa sekiranya apa berlaku dikatakan dalam bahasa Inggeris, *one man's meat is another man's poison*, (kelazatan kepada seseorang mungkin racun kepada seseorang yang lain).

Bahkan ia berlaku bukan saja dalam Umno, malah dalam parti lain, seperti Pas sejak zaman Ahmad Fuad, Abbas Alias, Dr Burhanuddin, Tan Sri Mohamad Asri Muda hingga ke era Datuk Yusoff Rawa, Fadhil Nor dan kini Datuk Abdul Hadi Awang. Apapun yang berlaku dalam Umno sudah ada mekanisme untuk menguji dan mengukuhkan kebenaran tindakan dan amalan serta perlaksanaannya.

Yang lebih penting difahami, setiap kali perubahan berlaku maka kecenderungan untuk mengaitkannya dengan mercu tanda pemimpin pengganti sebagai 'epitome' atau natijah daripada tindak-tanduk perkembangan politik semasa, kemungkinan besar tidak dapat dielakkan.

Penting sekali disebut bahawa dari

INTI PATI

Sejarah, perkembangan Umno

- Tindakan dilakukan beberapa pemimpin baru Umno menunjukkan bagaimana proses dinamik perubahan dan pembaharuan dalaman parti sedang dibentuk dan dicorakkan.
- Sejak 1946 Umno tidak pernah surut daripada alami proses 'trial and error' dan pelbagai kemelut yang kemudian menjadi terma rujukan dalam mencorakkan perubahan dan pembaharuan.
- Setiap kali perubahan berlaku maka kecenderungan mengaitkannya dengan mercu tanda pemimpin pengganti sebagai natijah daripada tindak tanduk perkembangan politik semasa, kemungkinan besar tidak dapat dielakkan.
- Dari dulu hingga sekarang reaksi daripada pemimpin lama terhadap tindakan diambil pemimpin baru parti dalam semua bidang pentadbiran biasanya tidak seratus peratus positif, tetapi ia juga tidak seratus peratus negatif.

dulu hingga sekarang reaksi daripada pemimpin lama terhadap tindakan diambil pemimpin baru parti dalam semua bidang pentadbiran biasanya tidak seratus peratus positif, tetapi ia juga tidak seratus peratus negatif.

Kita dapat melihat tindakan seperti ini berlaku, khususnya ketika Umno dipimpin Tunku Abdul Rahman, Tun Razak Hussein, Tun Hussein Onn, malah bawah kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad. Bahkan dibawah pentadbiran Dr Mahathir lebih banyak perubahan dan

langkah drastik dan radikal dilakukan, tetapi tidak semuanya seratus peratus positif seperti tidak semuanya negatif.

Di bawah pimpinan (presiden parti) yang berlainan latar belakang pendidikan, berlainan 'socialization' atau kumpulan sosial, berlainan latar belakang ekonomi keluarga dan berlainan watak serta latar belakang sosiopolitik, maka perubahan bukan saja terbentuk di sekitar stail, tetapi falsafah kepemimpinan, visi dan semangat perjuangan.

Melengkapi dan menyempurnakan lagi semua ini ialah keadaan atau aliran perkembangan politik dan ekonomi semasa yang mempengaruhi presiden parti untuk membuat keputusan, iaitu perkembangan dalam politik, ekonomi, sosial dan agama. Kadangkala perubahan perlu dilakukan kerana perubahan demografi, perubahan bilangan penduduk dan kawasan diduduki sesuatu kumpulan yang boleh mengancam kestabilan politik.

Namun perlu diingat, 'leitmotif' atau objektif yang vital bagi semua pemimpin Umno sejak 50 tahun dulu hingga kini, ialah untuk membela dan memperjuangkan pelbagai aspek dalam kehidupan dan nasib rakyat, khususnya untuk memastikan kemantapan, kesejahteraan dan kestabilan politik dan ekonomi serta perpaduan orang Melayu.

Inilah asas atau *fundamental* sebenar penubuhan Umno pada 1946 selepas orang Melayu dicabar dan digugat serta diancam Malayan Union. Demikianlah juga ketetapan dan pengucapan dasar beresolusi yang diambil tahun demi tahun pada persidangan agung Umno untuk menengulangi objektif dan matlamatnya supaya orang Melayu, khususnya yang mendokong Umno, tahu dan faham atau 'informed' bahawa Umno tidak akan berganjak daripada matlamatnya yang sebenar, walaupun pemimpin atau Presiden parti bersilih ganti.

Pengasas dan Presiden Umno pertama, Datuk Onn Jaafar, misalnya, ialah seorang wartawan dan pegawai tinggi kerajaan yang kemudian menjadi Menteri Besar Johor selepas perang dunia kedua. Bapa beliau berasal daripada keluarga elit Melayu yang terkenal dan berpengaruh, se-

lain pernah menjadi Menteri Besar Johor dari 1882 hingga 1919 sehingga kemudian diganti Onn sendiri pada 1946.

Pengalaman dan kebolehan Onn memimpin orang Melayu, khususnya Umno, sejak 1946 hingga 1951, tidak dapat dipertikaikan lagi.

Malah, berani kita katakan, jika tidak kerana kepemimpinannya yang mantap dan diterima sebahagian besar orang Melayu yang sebenarnya sudah pun berpecah dalam dua kumpulan aliran utama berdasarkan latar belakang pendidikan, iaitu yang berpendidikan Melayu dan berpendidikan Inggeris (tekanan daripada golongan agama datang kemudian, khususnya bermula pada 1951), survival Umno sendiri sebenarnya amat sukar diramalkan.

Sekali lagi perlu disebut bahawa kumpulan orang Melayu yang menubuhkan Persatuan Melayu Selangor (PMS) pada 1938 sebenarnya, berhempas-pulas mencari seorang pemimpin Melayu yang berwibawa selepas kematian Presiden PMS pertama pada 1942 untuk memimpin baik PMS, mahupun Kongres Melayu dianjurkan PMS.

Kalau bukan calang-calang orang, Umno sudah pun musnah meninggalkan nisan tidak bernyawa, bukan saja kerana mainan politik British yang terus mahu menguasai Malaya merdeka dengan dasar pecah dan perintah, akan tetapi kerana campurtangan elit politik dan ekonomi kaum imigran Cina, khususnya Tun Tan Cheng Lock yang mula cenderung untuk menganggap Malaya sebagai tanah air mereka.

British sedar masyarakat tempatan yang berpecah kerana keturunan kaum, budaya dan bahasa serta kejayaan dan kegagalan ekonomi luar mudah diperalatkan. Pada ketika itu, mereka akan datang kembali untuk menjajah minda dan ekonomi rakyat, politik dan pentadbiran.

Sejak peninggalan British maka bermulalah kemelut politik 'zero sum game' di kalangan kaum yang diberi kemerdekaan. Kali ini permainannya lebih bersifat jahiliah dan berkiblatkan kuasa barat sepenuhnya, sedangkan 'pivot' atau tapak di mana segala-galanya berputar ialah orang Melayu, iaitu pribumi Tanah Melayu.